

KERATAN AKHBAR HARI INI (BERITA)

AKHBAR	4M	MUKA SURAT	13
HARI & TARIKH	14/1	RUANGAN	Dalam Negri
DISEMAK OLEH			



**KHALID ABU BAKAR** (kiri) bersalaman dengan Pengurus Aseanapol, Jeneral Drs. Badrodin Haiti dalam Majlis Serah Terima Tugas Pengarah Eksekutif dan Pengarah Perkhidmatan Polis Sekretariat Aseanapol di Kuala Lumpur, semalam.

- UTUSAN/AIZZUL A. MAJID

## Kem latihan IS tidak wujud di negara ini

UM (Dim-Negri)  
ms 13  
14/1/2016

**KUALA LUMPUR** 13 Jan. - Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar hari ini mengesahkan tidak wujud kem latihan yang merekrut orang awam termasuk kanak-kanak menyertai kumpulan militan Negara Islam (IS) di negara ini. Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan kewujudan kem latihan seumpama itu di kawasan selatan Filipina.

"Mungkin di selatan Filipina ada kerana terdapat kumpulan pejuang wilayah itu yang menyatakan sokongan penuh mereka kepada IS secara terangan-terangan.

"Tetapi kita perlu sentiasa berwaspada dengan kegiatan militan kerana ideologinya yang mampu mempengaruhi sesiapa sahaja," katanya selepas Majlis Serah Terima Tugas Pengarah Eksekutif dan Pengarah Perkhidmatan Polis Sekretariat Aseanapol di sini hari ini.

Dalam pada itu, Khalid turut menafikan bahawa madrasah dan masjid menjadi penggerak utama penyebaran fahaman kumpulan militan IS di rantau ini.

Menurutnya, polis sentiasa melakukan pemantauan agar tidak pihak yang terpengaruh dengan fahaman kumpulan militan tersebut.

"Sesiapa pun boleh terjebak dengan fahaman kumpulan mili-

tan ini, bukan pelajar sekolah agama sahaja," katanya.

Sementara itu, Khalid memberitahu pihaknya sedang menyiasat sama ada terdapat anggotanya yang lain terlibat dalam kes penculikan seorang wanita Filipina di Kampung Silam, Lahad Datu, pada 6 Januari lalu.

Menurut beliau, pihaknya tidak akan melindungi mana-mana anggotanya yang terlibat dengan kes tersebut atau kegiatan jenayah lain.

"Tiada sesiapa akan diberi perlindungan tidak kira dia pegawai polis atau tidak, jika didapati bersalah, tindakan undang-undang akan diambil.

"Itu tanggungjawab Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) untuk mengesan mana-mana anggota yang memberi reputasi tidak baik kepada PDRM," katanya.

Kelmarin, tiga anggota polis, dua daripadanya berpangkat constable dan seorang koperal ditahan selepas disyaki terlibat dalam penculikan bersenjata seorang wanita Filipina di Lahad Datu pada 6 Januari lalu.

Turut ditahan, seorang penduduk tempatan berusia 30 tahun yang difahamkan bekerja sebagai pemandu kereta sapu.